

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PUAN ZURAINI BINTI AHMAD TAJUDIN  
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**BERSEMPENA DENGAN  
MINGGU CAKNA E-WASTE**

**&**

**PROGRAM SEKOLAHKU LESTARI  
PROGRAM SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)**

**BERTEMPAT DI  
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT JALIL  
4 OGOS 2023 (JUMAAT)**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berusaha, Puan Ainon Binti Mohamed Asari  
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil;

Yang Berusaha, Puan Sharidah Binti Maarus  
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Sektor Perancangan,  
Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar Pudu, Kuala Lumpur;

Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

Pegawai-Pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

Guru-guru dan murid-murid yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Program Pelancaran Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) yang julung kalinya diadakan di Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil.

Tuan Puan, Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

Sebagaimana yang guru-guru dan murid-murid sedia maklum, fungsi utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam

sekeliling. Selain daripada menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan kualiti alam sekitar, JAS juga menitikberatkan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada seluruh lapisan masyarakat antaranya termasuklah Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) dan Minggu Cakna e-waste.

E-Waste adalah sisa buangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama/usang. E-waste dikategorikan sebagai Buangan Terjadual di bawah Jadual Pertama, Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dengan Kod SW110, jika tidak diuruskan dengan secara sistematik atau dibakar ianya akan mengeluarkan gas berbahaya yang boleh mengakibatkan kemusnahan alam dan memudaratkan kesihatan. Antara contoh buangan E-Waste adalah televisyen, alat pendingin hawa, peti sejuk, komputer riba, telefon bimbit/pintar dan mesin basuh.

Manakala, Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar adalah program yang dicetuskan semasa Simposium Pendidikan Alam Sekitar. Program ini telah mula dilaksanakan dan diterapkan kepada sekolah-sekolah sejak tahun 2005 lagi.

Tuan Puan, Guru-guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

Jabatan Alam Sekitar juga telah menyediakan Garis Panduan ke Arah Pembentukan Sekolah Lestari yang lebih kemas dan komprehensif yang bertujuan untuk membantu sekolah memperkukuhkan proses pelaksanaan pendidikan alam sekitar dari semasa ke semasa. Melalui program ini, elemen pendidikan alam sekitar dapat diterapkan dikalangan guru-guru dan pelajar secara langsung serta komuniti setempat secara

tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar melalui kurikulum dan kokurikulum. Pengemaskinian dan penambahbaikan garis panduan sedia ada dibuat bagi memberi gambaran dan kefahaman yang lebih jelas kepada pihak pengurusan dan warga sekolah dalam melaksanakan program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar di sekolah dan tempat masing-masing.

Jaringan strategik di dalam pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar antara sektor kerajaan dengan sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan masyarakat adalah penting. Selaras dengan slogan “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”, setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing ke arah membudayakan alam sekitar dalam kehidupan. Dengan ini, objektif program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan dapat dicapai. Semoga usaha kita pada hari ini akan dapat melahirkan barisan pemimpin muda yang mencintai alam sekitar pada masa hadapan.

Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM saya dengan sukacitanya merasmikan Minggu Cakna E-Waste dan Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil bagi tahun 2023.

Sekian,

Wabillahit taufiq walhidayah, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima Kasih.